

20/02/2000

Tidak puas hati bukan alasan berpecah

KUCHING: Rasa tidak puas hati di kalangan anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak seharusnya dijadikan alasan untuk parti terbabit berpecah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semestinya di dalam organisasi besar seperti BN, akan terdapat rasa tidak puas hati di kalangan ahlinya.

"Ini sebenarnya perkara biasa kerana mustahil semua orang akan berpuas hati. Tetapi ini bukanlah alasan untuk kita berpecah.

"Perpaduan dan persefahaman yang telah kita bina, sudah membawa banyak manfaat kepada kita," katanya dalam perutusan di buku cenderamata sempena Perhimpunan Agung Tri-Tahunan atau Tiga Tahun Sekali Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) di Santubong Resort, kira-kira 40 kilometer dari sini, semalam.

Perhimpunan Agung ke-14 itu bermula kelmarin dan dirasmikan Ketua Menteri Sarawak selaku Pengerusi BN Negeri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Dr Mahathir berkata, BN terdiri daripada 14 parti komponen yang mewakili pelbagai suku kaum di Malaysia.

Sebagai salah satu parti komponen BN katanya, Snap memainkan peranan penting dalam menjaga kestabilan politik dan keharmonian kaum bukan saja di Sarawak, tetapi juga di Malaysia.

"Ini kerana kestabilan politik akan menjamin kemakmuran dan kerajaan dapat meneruskan segala program pembangunan dengan terancang untuk rakyat, tanpa diganggu oleh masalah lain," katanya.

Beliau juga berkata, alaf baru ini menjanjikan pelbagai cabaran dan beliau berharap Snap akan mengambil langkah persediaan untuk menghadapi cabaran, agar parti itu dapat terus memainkan peranan penting dalam kerajaan BN.

Dalam buku perutusan sama, Taib bersyukur kerana kestabilan politik dan perpaduan rakyat selama ini dapat menjamin pembangunan dan kemakmuran di Sarawak.

Rakyat juga katanya, menunjukkan keinginan agar pembangunan dan kemajuan akan terus dijalankan.

"Keinginan dan kepercayaan rakyat telah ditunjukkan apabila BN telah memenangi semua kerusi Parlimen di Sarawak dalam pilihan raya Parlimen baru-baru ini.

"Saya rasa bangga kerana Snap menyumbang kepada kejayaan ini menerusi semua kerusi yang ditandingi olehnya," katanya.

Daripada 28 kerusi Parlimen yang ditandingi di Sarawak pada pilihan raya Parlimen lalu, Snap memenangi empat kerusi.

(END)